

09 JUL 2003

Multaqa-Feminisme

ISU FEMINISME ABAD KE-21 LEBIH RUMIT - DEKAN UIA

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Isu-isu feminisme akan terus berkembang dan menjadi lebih rumit pada abad ke-21, yang sekaligus menolak kajian terbaru kononnya feminisme sudah berkubur dan tidak mampu lagi mempertahankan martabat golongan wanita.

Dekan Pusat Pengajian Lepas Ijazah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Prof Madya Dr Zaleha Kamaruddin berkata isu-isu wanita adalah terlalu rumit dan berubah mengikut keadaan dan waktu.

Era globalisasi mengakibatkan timbulnya pelbagai isu baru yang memerlukan penelitian undang-undang untuk diguna pakai, katanya ketika ditanya mengenai kertas kerja yang akan dibentangkannya pada Multaqa Ulama Sedunia di Hotel Marriott Putrajaya bermula esok.

"Dahulu, pemilihan jodoh sekadar rakan di sekeliling kita, kini dalam era globalisasi dan adanya era IT (teknologi maklumat), pemilihan jodoh boleh berlaku melalui e-mel atau internet," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Dr Zaleha akan membentangkan kertas kerja bertajuk "Emansipasi Wanita di Zaman Awalan Islam Sebagai Model Perjuangan Wanita Kini" bersama-sama rakannya Raihanah Abdullah, pensyarah dan peguam Syariah di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya (UM).

Dr Zaleha berkata percambahan pertubuhan dan persatuan wanita kini turut menyaksikan kebangkitan feminisme radikal yang dikhuatiri boleh memusnahkan tabiat dan adat masyarakat Malaysia.

"Kita khuatir dalam mengejar feminisme `ala barat', kita cuba mencari keadilan dalam sistem `ala barat', cuba melindungi wanita tetapi pada masa yang sama kita menindas kaum lelaki," katanya.

Justeru, katanya kertas kerja beliau akan mencadangkan Islam digunakan sebagai model pembangunan wanita.

"Kami perlu mencadangkan penggunaan Islam sebagai model bagi pembangunan wanita dan kami percaya ia adalah ideal model, dengan mekanismenya perlu diteliti kerajaan bagi memastikan wanita dan kanak-kanak dilindungi," katanya.

Beliau yakin multaqa itu dapat menjadi forum yang sesuai bagi mencanai idea-idea baru untuk menangani masalah yang wujud.

Sementara itu, Raihanah berkata perjuangan isu-isu feminisme perlu diteruskan kerana ia penting dari segi kekeluargaan dan pembangunan.

Namun, katanya perjuangan itu perlu dibatasi lunas-lunas Islam.

"Walaupun kami mengharapkan perjuangan itu diteruskan tapi biarlah ia tidak terkeluar daripada lunas Islam dan faktor tempatan," katanya.

Beliau berkata kertas kerja itu turut mengemukakan isu-isu poligami, kahwin paksa, pencarian jodoh melalui internet dan pasangan lesbian.

Multaqa tiga hari anjuran Jabatan Perdana Menteri itu dihadiri 840 ulama, cendekiawan dan ahli pemikir dari 33 negara termasuk Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan multaqa itu esok.

-- BERNAMA

ZUE NAK